

**MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE DUA PULUH LAPAN (28)
KOPERASI KAKITANGAN KEMENTERIAN KEWANGAN SABAH BERHAD
(KOWANGAN)**

- Tarikh : 30 Jun 2019 (Ahad)**
- Masa : 1.00 petang**
- Tempat : Auditorium, Sabah Trade Centre, Kota Kinabalu.**
- Pengerusi : Datuk Peter Thien Sin Min**
- Kehadiran : Seperti di LAMPIRAN A**

1. KATA-KATA ALUAN Pengerusi Kowangan

- 1.1 Datuk Peter Thien selaku Pengerusi Koperasi mengalu-alukan kehadiran semua terutama sekali Encik Kamri Bin Mustapha, Penolong Pengarah kanan dan Puan Shirley Nasun, Penolong Pegawai Ehwal Ekonomi, Wilayah Pantai Barat, Surahanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Sabah serta mengucapkan terima kasih kepada semua anggota yang hadir atas sokongan yang telah diberikan selama ini demi kepentingan Koperasi.

2. PELANTIKAN Pengerusi dan Setiausaha Sementara Mesyuarat Agung Tahunan

- 2.1 Selari dengan peraturan-peraturan berkenaan dengan pengendalian Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi, Datuk Pengerusi mempelawa ahli-ahli Koperasi yang hadir untuk mencadang pelantikan seorang pengerusi dan juga seorang setiausaha sementara Mesyuarat Agung Tahunan.
- 2.2 Encik Ah Wah Bin Kong Nam mencadang dan Encik Lee Yun Tet menyokong agar Pengerusi sendiri, Datuk Peter Thien Sin Min dilantik sebagai pengerusi sementara. Manakala, Puan Asmah @Junainah Binti Din Kassim mencadang dan Encik Ah Wah Bin Kong Nam menyokong agar Setiausaha sendiri, Encik Daniel Ng Chai Cheong dilantik sebagai setiausaha sementara. Mesyuarat menerima sebulat suara.

3. PENGESAHAN KUORUM

- 3.1 Datuk Pengerusi memulakan mesyuarat setelah kuorum disahkan mencapai 217 ahli yang mana telah melebihi 150 orang, iaitu kuorum yang telah diluluskan oleh pihak SKM Negeri Sabah bagi tujuan pindaan Undang-Undang Kecil Koperasi KOWANGAN. Jumlah kehadiran ialah 248 ahli.

4. PENGESAHAN MINIT Mesyuarat Agung Tahunan Ke Dua Puluh Tujuh (27)

- 4.1 Setiausaha membentangkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-27 dari muka surat 4 hingga 12 dalam buku Laporan Tahunan 2018.
- 4.2 Pengesahan minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-27 telah dicadang oleh Puan Dg. Lapuan @Zalifah Hj. Omar dan disokong oleh Puan Dg. Damit @Mariah Hj. Dollah. Mesyuarat menerima sebulat suara.

5. MENIMBANG DAN MENERIMA LAPORAN LEMBAGA TAHUNAN 2018

- 5.1 Laporan telah dibentangkan oleh Encik Daniel Ng Chai Cheong selaku Setiausaha Koperasi.

- 5.2 Setiausaha melaporkan bahawa secara keseluruhan aktiviti-aktiviti Koperasi sepanjang tempoh 2017/2018 telah berjalan dengan lancar dan memuaskan walaupun dalam keadaan yang lebih mencabar terutama dari segi mencari sumber pendapatan baru. Bagi mempertingkatkan lagi prestasi KOWANGAN, Setiausaha menyeru agar semua anggota memberikan kerjasama serta sumbangan idea-idea yang bernas dari semasa ke semasa.
- 5.3 Setiausaha juga melaporkan bahawa Ahli Lembaga Koperasi telah bermesyuarat sebanyak tujuh (7) kali sepanjang sesi 2018/2019 dan jumlah keahlian dalam KOWANGAN berdasarkan rekod AJK keanggotaan ialah seramai 473 orang yang mana kedudukan keanggotaan adalah seperti berikut :-

Kementerian Kewangan	-	200 orang
Jabatan Bendahari Negeri	-	128 orang
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri	-	145 orang

6. LAPORAN JAWATANKUASA-JAWATANKUASA KECIL

- 6.1 Laporan Jawatankuasa Kecil Sosial dan Hiburan Tahun 2018/2019 telah dibentangkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kecil, Puan Winifred Jouny dari muka surat 24 hingga 27 dalam buku Laporan Tahunan 2018.
- 6.2 Laporan Jawatankuasa Kecil Pelaburan Tahun 2018/2019 telah dibentangkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kecil, Puan Anthea Jipanus di muka surat 28 dalam buku Laporan Tahunan 2018.
- 6.3 Laporan Jawatankuasa Kecil Perniagaan Tahun 2018/2019 telah dibentangkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kecil, Encik Rusdin Riman dari muka surat 29 hingga 33 dalam buku Laporan Tahunan 2018.
- 6.4 Laporan Jawatankuasa Kecil Pengurusan Premis Perniagaan Tahun 2018/2019 telah dibentangkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kecil, Puan Nancy Manjangil di muka surat 34 dalam buku Laporan Tahunan 2018.
- 6.5 Laporan Jawatankuasa Kecil Keanggotaan Tahun 2018/2019 telah dibentangkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kecil, Puan Jenny Baranting dari muka surat 35 hingga 37 dalam buku Laporan Tahunan 2018.
- 6.6 Berkenaan dengan cadangan agar Koperasi berusaha sama (Joint Venture) dengan KOPEKS atau Syarikat Berkaitan Kerajaan (Government Linked Companies) bagi tujuan mencari sumber pendapatan baru, seperti dalam bidang pelancongan, mesyuarat sebulat suara bersetuju agar cadangan diteliti dan dipertimbangkan oleh ahli lembaga Koperasi sebelum membuat sebarang keputusan.

Oleh kerana tidak ada pertanyaan lanjut, Puan Zainaba Shukoor mencadang agar laporan Lembaga dan semua laporan Jawatankuasa Kecil diterima. Puan Teo Lee Teh @Helen menyokong.

7. MENIMBANG DAN MELULUSKAN LAPORAN AUDIT DALAMAN 2018

- 7.1 Puan Ellyn Patrick Assang membentangkan laporan dari muka surat 40 hingga 42 bagi pihak Puan Rosina Venantius selaku Ketua Juruaudit Dalaman tahun 2017/2018 yang tidak dapat menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan ini.
- 7.2 Puan Ellyn seterusnya melaporkan pernyataan Juruaudit seperti berikut:-
- Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan tersebut memberi satu gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Koperasi Kakitangan Kementerian Kewangan Sabah Berhad pada 31 Disember 2018.
 - Rekod perakaunan dan rekod-rekod lain yang berkaitan diselenggara dengan memuaskan.
- 7.3 Oleh kerana tidak ada pertanyaan mengenai perkara ini, maka Puan Painis bte Hj. Alip mencadang supaya laporan diterima. Puan Setia @ Sairah Indan menyokong.

8. MENIMBANG DAN MELULUSKAN PENYATA KEWANGAN BERAUDIT 2018

- 8.1 Laporan telah dibentangkan oleh Puan Chia Pit Hah selaku Bendahari Koperasi.
- 8.2 Bendahari memaklumkan bahawa penyata kewangan Koperasi bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 telah diaudit oleh Juruaudit Luar, N.S. Lim & Co.
- 8.3 Bendahari seterusnya melaporkan bahawa Akaun Untung dan Rugi Koperasi pada tahun 2018 menunjukkan keuntungan bersih semasa yang diperolehi adalah sebanyak RM10,454.66 berbanding dengan RM40,381.92 pada tahun lepas. Penurunan keuntungan sebanyak RM29,927.26 ataupun 74% ini disebabkan pendapatan bersih yang lebih rendah dan perbelanjaan operasi yang lebih tinggi.
- 8.4 Oleh kerana tidak ada komen atau pertanyaan mengenai perkara ini, maka Puan Teo Lee Teh @Helen mencadang agar laporan penyata kewangan tersebut diterima. Puan Landuna @ Laminah binti Galansou menyokong.

9. MENIMBANG DAN MELULUSKAN CADANGAN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN

- 9.1 Datuk Pengerusi memaklumkan bahawa walaupun keuntungan bersih semasa telah menurun banyak, namun bayaran penghargaan anggota masih boleh dilakukan melalui Tabung Penhargaan Anggota yang dibiayai oleh Kumpulan Wang Kebajikan Am berdasarkan jadual pembahagian seperti berikut :

	Tahun Syer Dilabur	% Ke Atas Jumlah Syer Yang Ada
1.	1991 - 1999	20
2.	2000 - 2004	18
3.	2005 - 2009	14
4.	2010 - 2014	10
5.	2015 - 2016	8
6.	2017 - 2018	5

Memandangkan bayaran penghargaan anggota boleh dilakukan dalam bentuk tunai atau syer bonus maka setelah memperingatkan semua ahli tentang kesan negatif terhadap kedudukan kewangan yang akan dialami oleh Koperasi sekiranya bayaran dilakukan dalam tunai, Datuk Pengerusi seterusnya menjemput para hadirin untuk membuat keputusan melalui undian secara angkat tangan. Majoriti memilih syer bonus setelah pengundian dijalankan.

- 9.2 Tentang bayaran Honorarium sebanyak RM6,000.00 yang telah diperuntukkan untuk tahun 2015 yang lalu, Encik Lee Yun Tet mencadangkan agar ianya diluluskan untuk dibayar kepada barisan Ahli Lembaga Koperasi atas usaha dan komitmen cemerlang yang dipamerkan. Puan Jennefer Mosia menyokong. Mesyuarat menerima sebulat suara.
- 9.3 Datuk Pengerusi seterusnya mengumumkan bahawa elaun kehadiran sebanyak RM50.00 dan elaun makan sebanyak RM10.00 dibayar kepada semua hadirin. Mesyuarat menerima sebulat suara.

10. MENIMBANG DAN MELULUSKAN ANGGARAN BELANJAWAN TAHUN 2020

- 10.1 Anggaran belanjawan tersebut telah dibentangkan oleh Datuk Pengerusi. Encik Saiful Zahrin bin Jasri mencadang dan Encik Abdullah bin Awang Anak menyokong agar ianya diterima. Mesyuarat menerima sebulat suara.

11. MENIMBANG DAN MELULUSKAN HAD MAKSIMA PINJAMAN LUAR

- 11.1 Puan Dg. Lapuan @Zalifah Hj. Omar mencadang dan Puan Magdalena@Magdalene binti Kaoh menyokong agar had maksima pinjaman luar sebanyak RM3 juta dikekalkan. Mesyuarat bersetuju sebulat suara.

12. MENIMBANG DAN MELULUSKAN HAD MAKSIMA PELABURAN KOPERASI

12.1 Puan Zainaba Shukoor mencadang dan Puan Seria @ Sairah Indan menyokong agar had maksima pelaburan Koperasi sebanyak RM3 juta dikekalkan. Mesyuarat bersetuju sebulat suara.

13. MEMILIH EMPAT (4) ORANG ANGGOTA LEMBAGA KOWANGAN YANG TAMAT TEMPOH MENGIKUT GILIRAN.

13.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa oleh kerana hanya empat (4) pencalonan yang diterima, maka ke empat-empat calon telah diisytiharkan menang tanpa bertanding seperti berikut :-

- i) Encik Daniel Ng Chai Cheong
- ii) Puan Anthea James Jipanus
- iii) Puan Winifred Jouny
- iv) Cik Josie Mijol

14. MELULUSKAN PELANTIKAN PANEL JURUAUDIT LUAR

14.1 Mesyuarat bersetuju sebulat suara bersetuju agar pelantikan N.S. Lim & Co sebagai juruaudit luar Koperasi dikekalkan.

15. MELANTIK SATU JAWATANKUASA YANG TERDIRI DARIPADA ENAM (6) ORANG AHLI BIASA DAN EMPAT (4) ORANG AHLI LEMBAGA KOPERASI UNTUK MENENTUSAHKAN DRAF MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

15.1 Ahli Lembaga Koperasi mencadangkan agar enam orang ahli biasa seperti tersenarai di bawah untuk menentusahkan draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan ke-28 seperti berikut :-

- i) Datin Dg Hamsiah Hj Juana
- ii) Puan Asmah @Junainah Binti Kassim
- iii) Puan Clarice Adrian
- iv) Cik Elizabeth Tai Vui Khuin
- v) Encik Zulkarnain Zaini
- vi) Puan Dg. Lapuan @Zalifah Hj. Omar

Mesyuarat menerima sebulat suara.

15.2 Mesyuarat juga bersetuju sebulat suara agar Ahli Lembaga Pengarah Koperasi sendiri melantik empat (4) orang Ahli Lembaga Koperasi bagi tujuan tersebut selepas Mesyuarat Agung Tahunan ini.

16. MENIMBANG DAN MELULUSKAN CADANGAN PINDAAN UNDANG-UNDANG KECIL KOPERASI

Puan Chia Pit Hah mencadang dan Encik Lee Yun Tet menyokong agar cadangan pindaan Undang-undang Kecil Koperasi seperti di **LAMPIRAN B** diluluskan. Mesyuarat menerima sebulat suara.

17. PENANGGUHAN MESYUARAT

17.1 Memandangkan tiada lagi hal-hal lain yang dibincangkan maka mesyuarat ditangguhkan pada pukul 3.15 petang dengan ucapan terima kasih daripada Datuk Pengerusi.

Dicatat oleh :

Disemak oleh :

(DANIEL NG CHAI CHEONG)
Setiausaha Mesyuarat Sementara/
Pencatat Minit

(DATUK PETER THIEN SIN MIN)
Pengerusi Mesyuarat Sementara

Tarikh : 18 Julai 2019

Perkara	Nama	Tandatangan	Tairkh
Disahkan oleh :	Datuk Peter Thien Sin Min (Pengerusi Koperasi)		
Dicadang oleh :			
Disokong oleh :			

LAMPIRAN A

BIL.	NAMA
1.	ABDUL RAZAK BIN AHMAD @ ABD RASHID
2.	ABDULLAH BIN AWANG ANAK
3.	ABIL SONGPING
4.	ABU BAKAR ABIDIN
5.	ABZAH @ AFZAH BINTI WASLI
6.	AH WAH BIN KONG NAM
7.	AHMAD BIN ABDUL
8.	AINI BINTI TIWOL
9.	AIVI @ BENEDET MARAAT
10.	ALEXIUS ROBERT
11.	ALICE TOILOH
12.	ALIMAH BTE AHMAD
13.	ALISAH BINTI ABBAS @ AG. ABAS
14.	ANDREW GUNTAN
15.	ANINAH BT ARBIN @ ANI
16.	ANISA YONG @ YONG EN YUEN
17.	ANITA CHRISTINE SALAM
18.	ANNE VENANTIUS @ JANET
19.	ANTHEA JAMES JIPANUS
20.	APSAH BINTI TADIN
21.	ASIAH BTE AG. MINDAR
22.	ASMAH @ JUNAINAH BINTI DIN KASSIM
23.	AWANG HASIM BIN AWANG MUMIN
24.	AZAWANA BINTI AWANG SALLEH
25.	AZIZAH BINTI PANGANTIN
26.	BAITAH BTE EKUN
27.	BEATRICE D.MIKIL
28.	BEATRICE FOO BOON LAN
29.	BERNADETTE BINTI ANACLETUS
30.	BETTY MOKUNJIL

31. BRENDA BOPULAS
32. BUATI BINTI AWANG
33. BUATI BT. NIAN
34. CECILIA CHANG YEN THAI
35. CELESTINE FUNG LEE MEE
36. CHEONG CHEO NEO@ CHEONG CHOO NEO
(MARY)
37. CHIA PIT HAH
38. CHIN SHIN HENG @ VINCENT CHIN
39. CHIN SHUK MEI
40. CHIN SIEW VUN
41. CHIN SYN CHU @ WENDY CHIN
42. CHINWATI BINTI JINTI
43. CHONG YUN YIN @ SUZIE
44. CHRISTINA TIAN SIM
45. CHUA KIM MOI @ MONICA CHUA
46. CHUNG KIN SHEN
47. CLARICE ADRIAN
48. CORNELIA BINTI GREGORY KOLOPIS HAN
49. DANNA BINTI DUSIN
50. DAPHNE JANE BINTI VICTOR
51. DARIUS ANTHONY JOIWIN
52. DAVID LOJUNGAH
53. DAYANG HAMSIAH BTE HJ. JUANA
54. DAYANG JURAI DAH ABDUL RAHIM
55. DAYANG MAZNAH PG TAHIR @ PG MOHD
TAHIR
56. DECELVIA MORISON
57. DENASIA BTE TUNAI
58. DENIS LIM
59. DEONYSIA JULIANUS @ MARLINA ABDULLAH
60. DG DAMIT @ MARIAH HJ. DOLLAH
61. DG. LAPUAN @ ZALIFAH HJ. OMAR
62. DIANA CHONG YEN NYUK
63. DICKY MALANJUN

64. DK NORMAHANI BINTI PG MOHD
65. DOROTHY CHIN FUI LEN
66. DOXIE IVY ASING
67. EBENEZER P. GODOMON
68. ELIZABETH ELSIE GODWIN
69. ELIZABETH TAI VUI KHUIN
70. ELLYN PATRICK ASSANG
71. EMILDA EDMUND
72. ERNYWATI DEWI BINTI ABAS
73. FARIDAH HAJI JAAFAR
74. FATMAH BINTI HUSSIN @ MD HUSSIN
75. FIONA BINTI JOSEPH SANDI
76. FRANCIS LOUDIN BIN RAPHAEL MOJULIM
77. FUNG AH MUI
78. HADI BIN MOHD ALI
79. HALIJA SALLEH
80. HAMDAN HAMZANI
81. HAMIZAH BINTI ABDUL RAHMAN
82. HAN LIN WAH
83. HANIZAH BINTI WID @ HELEN
84. HASSAN BIN JAPLUS
85. HENRY JOSEPH GALAIS
86. HIERWAN @ MOHD IKRAM BIN MURSHID
87. HILARION ROBERT @ ALEXANDER
88. HILARY PETRUS
89. HJ. YUSOFF DATUK HJ.MOHD. KASSIM
(DATUK)
90. HJH.SAADIAH DATUK HJ. MOHD. SALLEH
91. HOLIN PADDIS GIMBUL
92. HONG ONN LIU
93. IBRAHIM BIN ASMAT
94. INTAN PILIAN BINTI ARJILUN
95. IRENE HAMAD @ SITI JARIAH
96. IRENE YAP NYUK MEE
97. ISLINAH BT ARBIN

98. JANE RITA GONDIPON
99. JANET THIEN PIT HA
100. JANIS BINTI KK HJ DULAMIT
101. JANISAH BINTI TAYUNG
102. JEANNETTE EWANG MANTAIS
103. JENNY BINTI BARANTING
104. JESSIE JINU
105. JESSIE LEO LOJUHIM
106. JOHNNY BIN GAMPAWI
107. JOSEPH BIN RYMAN
108. JOSLYNE JANE MAJANIL
109. JOVINA JOACHIM
110. JUDY ANN ENGKU
111. JUDY LO
112. JULIA BINTI SOLUNGKOD
113. JULIAN LO
114. JULIANA @ EMILY AKONG
115. JULITA BINTI MUJIM
116. JUMINAH BINTI SADI
117. JUNIE DORIS YAPP
118. JUSTINA LAWRENCE
119. JUSTINA VICTOR KILOS
120. KAMALTAN BIN KARIMIN
121. KAROMINA @NURHIDAYAH BT. DIMIS
122. KENNETH WONG
123. KIPLI BIN MOKSIN
124. KOH CHOON KONG
125. KONG SUET YEE @ ERICA
126. LANDUNA @ LAMINAH BINTI GALANSOU
127. LEE BEE NEO @ MARIA
128. LEE YUN TET
129. LEONG SHAU KHAM
130. LIEW FUI MOI
131. LIM NYUK HONG

132. LING SHYH HUEY @ IRENE
133. LOUIS TOKUZIP
134. LYDIA BINTI MARUKAU
135. MAGDALENA@ MAGDALENE BINTI KAOH
136. MAISHATUL NORHASHIKEEN @ JENNEFFER
MOSIA
137. MAKLIN B. MONJOHI @ DONALD MAKLIN
MONJOHI
138. MARGARET CONSTANCE CONNIE LEE
139. MARGARET KUMPIT
140. MARIA GEORGE
141. MARIAH BINTI ANSIP
142. MARIAM BTE MAT DAUD
143. MARIANA BERDIL MONGKILI
144. MARIATY BTE JOHN CHUAN
145. MARITHI @ MARITAH MASIDIN
146. MAZLAN MOKTAR
147. MELISSA FREDDY
148. MICHAEL SULAU
149. MIMOL HASSANUL
150. MISMAH BINTI MURAT
151. MOHD EZHMIL BIN SANTI
152. MOHD FADRUL IZWAN BIN MISAR
153. MOHD FAIZAL MOHD TAHIR
154. MOHD KHAIRUEL SHAH BIN MATJANI
155. MOHD ROZLAN BIN JAAFAR
156. MOHD SAIFUDDIN BIN KARIM
157. MOHD YUSOP BIN KABON
158. MOHD. AZMAIN BIN AHMAD
159. MU CHI FAH @ COLIN
160. NARATHA BT DIMIS @ NUR ASYIKIN
161. NATASHA ABDULLAH @ ROSE CHONG
162. NEKMAH BINTI ABDULLAH
163. NELSON DOMIL OLUK
164. NG CHAI CHEONG

165. NOOR HIDAYAH BTE AMEENUDDEN
166. NORAIN BINTI RAMLI
167. NORAISAH MATSALLEH
168. NORAZILAH BTE HAMZAH
169. NORFIZAH BINTI JAMIR
170. NORIDAH BINTI ARIPI (HAJJAH)
171. NORMAH HJ. AWANG TENGAH
172. NORMALYNA ABDUL MALEK
173. NORSAH BUBIN
174. NUR ATHIRAH BINTI ZAINUDDIN
175. NURINAH BINTI MAT NOOR
176. ORNEST MOSUSI
177. OSMAN BIN JALIL
178. PAINIS BTE HJ. ALIP
179. PANG NYUK HOWA
180. PANG SOON VUN
181. PATRICK LIM
182. PERKASH KAUR
183. PETER THIEN SIN MIN (DATUK)
184. QUEEN NOOR BINTI ABDUL RAHMAN
185. RAFIDAH BINTI ALI HASSAN
186. RAIMAH BINTI AMIN
187. RAZALEIGH YUSOF
188. RITA JULIUS
189. ROHAYA HJ MURSHIDI
190. ROSE BINTI SIPIT
191. ROSE GAJIM @ GEORGE GAJIM
192. ROSITA BTE AMBO DALLI
193. ROSLEH HJ. TAIP
194. ROSLIAH JIMLIN
195. ROSMEH BINTI MOLIDIN
196. ROSNIE BINTI SIPANUS
197. ROZITA @ ITA BINTI LIN
198. ROZITAH BINTI MOHD RAH

199. RUBINAH BENDIL
200. RUFINA LEE MAILAP
201. RUKIAH ASAN
202. RUMAINAH BINTI YAAKUB
203. RUSDIN RIMAN
204. SAIFUL Zahrin Bin Jasri
205. SALIM BIN MOHD. HASSAN
206. SALMAH BTE AB SANI
207. SALMIAH HJ. ABDUL ALIF
208. SARZIKOR @ SARZIKOR KAUR
209. SAULIM BINTI GUTOK
210. SEMAH BINTI SELAMAT
211. SENIAH BINTI TAIP
212. SENNIAH LAGA
213. SERENUS BINIKI
214. SERIA @ SAIRAH INDAN
215. SHAHRIL HJ. SAINOH
216. SHAHROM BIN YUSOP
217. SHARIFFAH AZNOOR BINTI JAP
218. SHIM KHONG MOI @ AGNES
219. SIANI BT MAJANGIL @ NANCY
220. SITI AFNAH BTE LAGAI
221. SOON BING SHONG
222. STEPHANY A JOEMAN
223. STEVENSON JOHN
224. SUKIEH BINTI SALLEH
225. SURIN BIDIN @ ABIDIN
226. SUSAN @ FAZEILLA AHMAD PAGENTE
227. SYARIFFAH BINTI HUDDIN
228. TEE GIOK BEE @ ANGELIE TEE
229. TEO LEE TEH @ HELEN
230. TEO THIN HWA
231. THIMOTY DAPIL
232. TIMOTHY FELIX BOYOU

- 233. VERUS LAWRENCE
- 234. VICTOR NILUS
- 235. VOO CHAU LUN
- 236. VUN FUI YEE
- 237. WILLIE DOTTY
- 238. WINIFRED BTE JOUNY @ WINNIE FRED
- 239. WINNIE ANN @ WENDY
- 240. WONG KUI JIN
- 241. YAP CHOW WAH
- 242. YAYAH HJ. ASMAT
- 243. YAZID YUZAIRIE B. YUNOS
- 244. YEE PIT SHUE
- 245. ZAINABA SHUKOOR
- 246. ZAITON MAIDIN
- 247. ZULAIKHA BINTI JAMIR
- 248. ZULKARNAIN BIN ZAINI

**CADANGAN PINDAAN UUK KOPERASI KAKITANGAN
KEMENTERIAN KEWANGAN SABAH BERHAD**

BIL	UUK ASAL	CADANGAN PINDAAN
1.	<p>UUK6. Kawasan operasi</p> <p>6. Kawasan operasi Koperasi ini ialah seluruh Negeri Sabah kecuali Pulau Banggi.</p>	<p>Kawasan operasi</p> <p>6. Kawasan operasi Koperasi ini ialah seluruh Negeri Sabah.</p>
2.	<p>UUK9. Aktiviti</p> <p>9.(1) Bagi mencapai matlamat dan fungsi menurut undang-undang kecil 7 amnya dan 8 khasnya, Koperasi boleh, tertakluk kepada peruntukan Akta dan Peraturan, menjalankan aktiviti-aktiviti berikut :</p> <p>(a) Menguruskan kantin dan katering;</p> <p>(b) Menyediakan perkhidmatan pembersihan, lanskap dan keselamatan;</p> <p>(c) Menjalankan aktiviti sebagai agen insurans;</p> <p>(d) Menjalankan aktiviti pertanian yang dapat memberikan faedah kepada anggota-anggota;</p> <p>(e) Menjalankan aktiviti kebajikan dan anggota, pendidikan dan perniagaan;</p>	<p>Aktiviti</p> <p>9.(1) Bagi mencapai matlamat dan fungsi menurut undang-undang kecil 7 amnya dan 8 khasnya, Koperasi boleh, tertakluk kepada peruntukan Akta dan Peraturan-Peraturan:-</p> <p>(a) Menjalankan aktiviti-aktiviti berikut:</p> <p>(i) Menguruskan kantin dan katering;</p> <p>(ii) Menyediakan perkhidmatan pembersihan, lanskap dan keselamatan;</p> <p>(iii) Menjalankan aktiviti sebagai agen insurans;</p> <p>(iv) Menjalankan aktiviti pertanian yang dapat memberikan faedah kepada anggota-anggota;</p> <p>(v) Menjalankan perkhidmatan kesihatan (wellness/fitness);</p>

	<p>(f) Membeli, menjual, memindahkan hak milik, mendirikan, menyewa, mencagar, memajak, menggadai dan memiliki harta alih dan harta tak alih;</p> <p>(g) Melaburkan wang berlebihan dalam perkara yang dibenarkan menurut seksyen 54 Akta;</p> <p>(h) Mengadakan subsidiari menurut seksyen 19 Akta dengan kelulusan Suruhanjaya; dan</p> <p>(i) Menyertai usahasama dan menjadi anggota kepada koperasi - koperasi lain.</p>	<p>(b) Menjalankan aktiviti kebajikan dan pendidikan anggota;</p> <p>(c) Membeli, menjual, memindahkan hak milik, mendirikan, menyewa, mencagar, memajak, menggadai dan memiliki harta alih dan harta tak alih;</p> <p>(d) Melaburkan wang berlebihan di dalam perkara yang dibenarkan menurut seksyen 54 Akta;</p> <p>(e) Mengadakan subsidiari menurut seksyen 19 Akta dengan kelulusan Suruhanjaya; dan</p> <p>(f) Menyertai usahasama dan menjadi anggota kepada koperasi lain.</p>
<p>3.</p>	<p>UUK11. Kelayakan Menjadi Anggota</p> <p>11.(1) Keanggotaan Koperasi ini terbuka kepada :-</p> <p>(a) Kakitangan Kerajaan yang berkhidmat di Kementerian Kewangan Negeri;</p> <p>(b) Kakitangan Jabatan Bendahari Negeri, dan</p> <p>(c) Kakitangan Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri.</p>	<p>UUK11. Kelayakan Menjadi Anggota</p> <p>11.(1) Keanggotaan Koperasi ini terbuka kepada :-</p> <p>(a) Kakitangan Kerajaan yang berkhidmat di Kementerian Kewangan Negeri;</p> <p>(b) Kakitangan Jabatan Bendahari Negeri,</p> <p>(c) Kakitangan Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri; dan</p> <p>(d) Bekas kakitangan dan pesara Kementerian Kewangan Negeri, Jabatan Bendahari Negeri dan Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri.</p>

4.	<p>UUK13. Fi Masuk</p> <p>13.(1) Tiap-tiap permohonan menjadi anggota hendaklah disertakan dengan fi masuk sebanyak RM10.00 (Ringgit Malaysia: Sepuluh). Fi masuk itu menurut perenggan 50(a) Akta akan dikembalikan kepada pemohon jika permohonannya ditolak oleh Lembaga.</p>	<p>UUK13. Fi Masuk</p> <p>13.(1) Tiap-tiap permohonan menjadi anggota hendaklah disertakan dengan fi masuk sebanyak RM50.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh). Fi masuk itu menurut perenggan 50(a) Akta akan dikembalikan kepada pemohon jika permohonannya ditolak oleh Lembaga.</p>
----	--	---